

INFO BULETIN UiTM Sarawak Kampus

ISU 60
Julai 2009

**UiTM SARAWAK
CELEBRATES SUCCESS
AT THE INVENTION,
INNOVATION AND
DESIGN COMPETITION,
2009**

PG. 22

■ **UiTM Sarawak
Conference
2008**

PG. 4

■ **Diploma Show:
Pelajar Grafik**

PG. 34

■ **UiTM Sarawak At
The International
Level**

PG. 40

PG. 7



**Majlis Perasmian Masjid
Al Qarrawiyyin Oleh YAB
Pehin Sri Ketua Menteri**

PG. 10



**Forum Pasca Pilihan Raya
ke 12**

SEMINAR PEMBANGUNAN WAKAF

Ustaz Mohd Khusyairie Marzuki

Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Islam Borneo telah menganjurkan Seminar Pembangunan Wakaf pada 19 Januari 2009 di Dewan Jubli. Majlis Perasmian seminar ini telah disempurnakan oleh Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam) YB Datuk Ir Hj Daud Abdul Rahman.



Dalam teks ucapannya, beliau berkata : " Wakaf merupakan salah satu elemen penting yang membarisi tonggak sektor kebajikan. Malah wakaf berperanan mengurangkan beban kerajaan dalam melaksanakan pelbagai pembangunan bagi memenuhi keperluan rakyat ".

Selain itu, beliau berkata: "Konsep wakaf telah diperluaskan dengan skop melalui pelaburan harta wakaf dalam sistem kewangan Islam. Pada masa sekarang, umat Islam telah mempunyai kesedaran untuk berwakaf kerana mereka memahami konsep wakaf yang boleh menguntungkan ".

Seminar ini diadakan adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada warga kampus tentang falsafah dan pemahaman wakaf dalam konteks faedah serta ganjaran di dunia dan di akhirat di samping medan perkongsian ilmu, idea dan manfaat bagi mengambil peluang untuk pembangunan wakaf di UiTM Sarawak.

PROGRAM AQIDAH TERAS KEKUATAN UMMAH

Ustaz Mohd Khusyairie Marzuki

Unit Agama dengan kerjasama barisan pensyarah CITU UiTM Sarawak telah menganjurkan Program Aqidah Teras Kekuatan Ummah. Program yang bermula pada 27 Oktober 2008, bertempat di Surau Utama UiTM Sarawak menawarkan Bengkel Solat dan Kursus Pengurusan Jenazah yang telah dihadiri seramai 50 orang staf UiTM Sarawak.

Program Aqidah Teras Kekuatan Ummah ini diadakan bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan pemahaman dalam ibadah solat dan pengurusan jenazah. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memperhalusi tentang ibadat solat dan hukum hakam yang berkaitan dengannya.

Pihak CITU UiTM Sarawak ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua kakitangan UiTM Sarawak yang telah menunjukkan komitmen dan minat yang sangat tinggi dengan memberikan kerjasama sepenuhnya, di mana sambutan yang diterima sangat menggalakkan. Maklum balas yang diterima dari peserta sangat positif dan mereka meminta untuk diadakan program sebegini setiap tahun.





Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan.
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200 Faks: 082-677 300

<http://www.sarawak.uitm.edu.my>

